

KUALA LUMPUR, 9 JUN (BERNAMA) — MALAYSIA TELAH MENJADI TUMPUAN HARAPAN BAGI PENIAGA-PENIAGA ANTARABANGSA YANG Mencari tempat yang lebih baik dalam keadaan muram ekonomi dunia sekarang ini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata iklim pelaburan di Malaysia telah disifatkan oleh laporan tahunan sebuah syarikat terkemuka Eropah sebagai yang terbaik di dunia yang disokong oleh sebuah kerajaan yang bertanggungjawab.

Berucap di majlis makan tengahari Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa di sini, beliau menekankan yang kerajaan sedang mengambil setiap langkah untuk meningkatkan tempoh kegiatan perindustrian di negara ini.

INI MEMANDANGKAN PERANAN PENTING YANG DIBERIKAN KEPADA SEKTOR PEKILANGAN UNTUK MENCAPAI MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU.

Datuk Seri Dr. Mahathir, yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, menggesa anggota-anggota Dewan itu menyampaikan pandangan baik mereka tentang Malaysia kepada masyarakat peniaga antarabangsa melalui hubungan sedunia mereka untuk menokok tambah usaha-usaha kerajaan dalam menggalakkan Malaysia sebagai pilihan pengkalan pelaburan di Asia Tenggara. — BERSAMBUNG 1830/YF

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

Beliau mencadangkan Dewan itu memainkan peranan yang lebih besar dalam ekonomi negara ini dari masa lalu dengan menolong bakal ahli membuat penilaian segera tentang kemungkinan dan potensi mengenal-pasti bidang-bidang tertentu industri dan mengenal-pasti industri sokongan.

Katanya, ini boleh dilakukan melalui pusat rujukan data yang dipenuhi dengan berbagai jenis maklumat perniagaan dan analisa.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menggesa pihak Dewan mewujudkan hubungan kerja dengan rakan-rakan pertubuhan negara-negara pengeksport modal dan teknologi.

Dewan itu boleh menjemput atau menaja lawatan oleh wakil-wakil pertubuhan ini untuk melawat Malaysia, tambahnya.

+Rombongan pelaburan seumpama itu dari negara-negara lain boleh menolong menghapuskan kesangsian yang wujud dalam pemikiran pelabur-pelabur asing dan membolehkan mereka melihat sendiri peluang dan kemudahan yang disediakan oleh Malaysia, + Tambahnya. — BERSAMBUNG

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

+Kerajaan pula akan membantu mengadakan rancangan yang sesuai untuk menentukan lawatan oleh rombongan-rombongan demikian adalah berfaedah. +

Timbalan Perdana Menteri memberi jaminan apabila kegiatan serupa itu ditaja oleh sektor swasta sendiri, kesannya akan lebih besar dari segi menyakinkan pelabur berpotensi yang tahu sedikit saja.

MENGENAI NEGARA INI.

INISIATIF YANG DIAMBIL OLEH GABUNGAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN CINA BARU-BARU INI MENGANJURKAN SATU SEMINAR PELABURAN DI SINGAPURA ADALAH SATU TINDAKAN POSITIF YANG BOLEH DICONTOKI OLEH DEWAN-DEWAN LAIN UNTUK MERANCANG DAN MELAKSANAKANNYA.

KATANYA, KERAJAAN AKAN TERUS MEMBESARKAN PELUANG EKONOMI NEGARA DENGAN MENGADAKAN SEMINAR PELABURAN DIDALAM DAN LUAR NEGERI.

TAHUN INI, TAMBAHNYA, MATLAMATNYA IALAH AUSTRALIA, NEW ZELAND, AMERIKA SYARIKAT DAN CANADA.

LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDA) AKAN MENGANJURKAN SATU SEMINAR ANTARABANGSA MENGENAI PELUANG-PELUANG PELABURAN DI SABAH DAN SARAWAK BULAN INI.

SATU LAGI SEMINAR PELABURAN ANTARABANGSA MENGENAI PELUANG-PELUANG PELABURAN DALAM INDUSTRI BERASASKAN PERKAYUAN AKAN DIADAKAN DALAM BULAN OKTOBER, YANG AKAN DIKUTI OLEH SATU SEMINAR YANG BERASASKAN GETAH DALAM BULAN NOVEMBER. -- BERSAMBUNG 1955/YF

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

BERALIH KEPADA KEADAAN EKONOMI DUNIA YANG TIDAK MENENTU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGGESA PEMIMPIN-PEMIMPIN PERNIAGAAN MEMBANTU MEWUJUDKAN SISTEM PERDAGANGAN ANTARABANGSA YANG DISESUAIKAN DENGAN KEPERLUAN DAN KEADAAN TAHUN-TAHUN 80'AN.

KATANYA, PELUANG UNTUK PERLABURAN PERDAGANGAN YANG AKAN TERBUKA DALAM DEKAD AKAN DATANG BERGANTUNG DENGAN BANYAKNYA KEPADA KEWUJUDAN SATU SISTEM EKONOMI ANTARABANGSA YANG SEIMBANG DAN TERBUKA.

ADALAH TIDAK MELAMPAU UNTUK MENJANGKA PADA MASA DEPAN, DENGAN MUDAHNYA TERDAPAT TEKNOLOGI MODEN YANG BOLEH DIGUNAKAN, NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA AKAN MENJADI PEMBEKAL BARANG-BARANG KILANGAN YANG LEBIH SOFISTIKATED.

PADA HAKIKATNYA, KECUALI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MENJADI PEMBEKAL, TARAF HIDUP DUNIA AKAN JATUH KERANA NEGARA-NEGARA TERSEBUT MEMPUNYAI POTENSI BERKEMBANG YANG BESAR UNTUK JUALAN EKSPORT BERBANDING DENGAN PEMBEKAL SEKARANG.

SEBELUM ITU, PRESIDEN DEWAN TERSEBUT, DR. S.A. RIDGWELL DALAM UCAPANNYA MENYATAKAN PANDANGAN PENIAGA-PENIAGA ASING MENGENAI NEGARA INI ADALAH LEBIH MEMUASKAN DARI LIMA TAHUN LALU. -- BERSAMBUNG 1908/YF

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

BELIAU MERINGKASKAN PANDANGAN TERPERINCI DARI ANGGOTA-ANGGOTANYA BERJUMLAH 350 BUAH SYARIKAT DARI 22 NEGARA BAHAWA +TERDAPAT KEMAJUAN YANG MENGGALAKKAN DALAM IKLIM PELABURAN BERBANDING DENGAN LIMA TAHUN LALU. +

HASIL KAJIAN ITU TELAH DIBERIKAN KEPADA KERAJAAN TIGA MINGGU LALU.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, LAPORAN ITU MENGANDUNGI PERSOALAN-PERSOALAN MENGENAI BEBERAPA PERKARA YANG PERLU DIAMBIL PERHATIAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT INDIVIDU UNTUK MEMENUHI MATLAMAT PENYUSUNAN SEMULA SEKTOR PERBADANAN, KECUKUPAN INFRASTRUKTUR, MASALAH MENCAPAI SASARAN PENGEDARAN DAN SOAL TENAGA MANUSIA. -- BERNAMA 1911/YF